



## **FELCRA SAMARAHAN SDN BHD**

(Kilang Kelapa Sawit Samarahan)

### **POLISI ALAM SEKITAR**

Adalah menjadi tanggungjawab secara berterusan kepada pihak pengurusan FELCRA Jaya Samarahan Sdn. Bhd. terhadap pemeliharaan alam sekitar dengan memastikan komuniti kami mematuhi polisi yang ditetapkan berkaitan pemeliharaan alam sekitar yang baik.

Pihak pengurusan bersama seluruh warga kerja secara bersepadu akan bersama-sama berusaha untuk melaksanakan dan mencapai matlamat polisi ini melalui perbincangan dan kerjasama mengenai perkara-perkara berikut:

- FELCRA Jaya Samarahan Sdn. Bhd. akan sentiasa mematuhi legislasi, peraturan dan undang-undang bagi memenuhi segala perkara mengenai amalan alam sekitar yang baik secara berterusan.
- Sentiasa membuat penambahbaikan bagi mewujudkan persekitaran alam sekitar yang bersih.
- Menghindarkan pencemaran alam sekitar serta meningkatkan mutu pengurusan alam sekitar secara berterusan.
- Merancang, menilai dan melaksanakan tindakan yang bersesuaian bagi mengurangkan kesan kepada pencemaran alam sekitar dari segala aktiviti syarikat.
- Menggalakkan kesedaran alam sekitar kepada semua pekerja dan pihak ketiga untuk amalan kerja yang baik.